



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
كلية الدراسات الإسلامية  
Faculty of Islamic Studies

جورنال التراث

**AL-TURATH**  
Journal of al-Quran and al-Sunnah

## AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 7 ISSUE 1 2022

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/volume-7-no-1-2022/>


### Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

### Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah  
Faculty of Islamic Studies  
The National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017  
Email: [alturathjournal@gmail.com](mailto:alturathjournal@gmail.com)

Journal QR Code :



Received: 14 Mac 2022; Accepted: 20 Mei 2022; Published: 30 June 2022

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2022-0701-05>

**KEDUDUKAN HADIS MURSAL MENURUT MAULANA MUHAMMAD  
ZAKARIYYĀ AL-KĀNDAHRAWIYY (1315-1402H/1898-1982) DALAM KITAB  
AWJAZ AL-MASĀLIK ILĀ MUWAṬṬA' MĀLIK**

**Position of Hadith Mursal According to Maulana Muhammad Zakariyyā Al-Kāndahlawiyy  
(1315-1402h/1898-1982) in the Book of *Awjaz Al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik***

Muhammad Hasan Said Iderus<sup>1\*</sup>, Latifah Abdul Majid<sup>2</sup>, Fadlan Mohd Othman<sup>2</sup> & Ahamad Asmadi Sakat<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pelajar PhD Pengajian Islam (Pengajian al-Quran dan al-Sunnah), Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Malaysia.

<sup>2</sup> Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Malaysia.

<sup>3</sup> Ahli Lajnah Tahqiq Hadis Kementerian Dalam Negeri Malaysia

\*h.muhammad.h98@gmail.com (Corresponding author)

**Abstrak**

Hadis *mursal* dikenali ulama merupakan bagian dari hadis *da'if*. Salah satu kitab yang memuatkan hadis *mursal* adalah kitab al-Muwaṭṭa' karya Imam Mālik. Kitab ini telah banyak disyarah para ulama, dan di antara mereka ada yang hanya fokus kepada kajian *rijāl al-Muwaṭṭa'*, sementara ada pula yang lain memberi tumpuan kepada ilmu fiqh, bahkan ada juga yang memperjelaskan kedudukan hadis-hadis di dalam al-Muwaṭṭa'. Salah satu ulama yang mensyarah kitab *al-Muwaṭṭa' Mālik* adalah Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy (1315-1402H/1898-1982). Beliau memberikan nama kitab beliau dengan nama kitab *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik*. Di dalam kitab ini beliau memberikan jalan tengah dalam menyelamatkan hadis-hadis yang berstatus *mursal*. Artikel ini membahaskan bagaimana kedudukan hadis *mursal* menurut Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy. Justeru, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa semua hadis *mursal* yang berada dalam kitab *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik* telah diselamatkan oleh beliau dengan berstatus: pertama *ṣaḥīḥ* kerana hadisnya bersambung di dalam *ṣaḥīḥ al-Bukhari* dan *ṣaḥīḥ Muslim*; kedua, hadis yang *mursal* disambung ditempat *kutub al-sittah* (selain *ṣaḥīḥ al-Bukhari* dan *ṣaḥīḥ Muslim*). Ketiga, hadis tetap berstatus *mursal* dengan tidak tersambung kitab-kitab hadis lain.

**Kata Kunci:** *Mursal*; *Awjaz al-Masalik*; *Zakarya al-Kandahlawi*; *Muwaṭṭa'*

**Abstract**

The *mursal* hadith known to scholars is part of the hadith *da'if*. One of the books that contains *mursal* hadith is the book *al-Muwaṭṭa'* by Imam Mālik. This book has been lectured by scholars, and some of them focus only on the study of *rijāl al-Muwaṭṭa'*, while others focus on the knowledge of *fiqh*, and some even clarify the position of *hadiths* in *al-Muwaṭṭa'*. One of the scholars who wrote *sharḥ hadith* the book *al-Muwaṭṭa' Mālik* is Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy (1315-1402H/1898-1982). He gave the name of his *sharḥ* book by the name of the book *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik*. In this book, he provides a middle ground in saving hadiths with *mursal* status. This article discusses the position of *mursal* hadith according to Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy. Thus, the study uses a qualitative design using the method of document analysis. The results of the study found that all *mursal* hadiths in the book *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik* were saved by him with status: first *ṣaḥīḥ* because his hadith is connected in *ṣaḥīḥ al-Bukhari* and *ṣaḥīḥ Muslim*; The second, the *mursal* hadiths are connected in the *Kutub al-sittah* (other than *ṣaḥīḥ al-Bukhari* and *ṣaḥīḥ Muslim*). The third hadiths remain *mursal* status by not being connected to other hadith books.

**Keywords:** *Mursal*; *Awjaz al-Masalik*; *Zakarya al-Kandahlawi*; *Muwaṭṭa'*

## PENDAHULUAN

Hadis bagi umat Islam memiliki kedudukan sangat penting sebab ia merupakan satu sumber utama setelah al-Qur'an. Allah SWT mengutus Rasulullah SAW sebagai panutan dalam bertingkah laku. Rasulullah SAW diutus dengan MISI untuk menyempurnakan akhlak manusia. Segala yang perbuatan dilakukan oleh Rasulullah SAW dari bangun tidur sehingga tidur kembali boleh disebut dengan hadis.

Ulama sejak dahulu berusaha menjaga dan mengumpulkan segala hadis dari Rasulullah dengan berbagai-bagai macam cara. Ada yang berkelana jauh merantau mencari hadis kemudian menuliskan dalam pelbagai bentuk. Salah satu contoh kitab-kitab ditulis berdasarkan pada bab-bab tertentu, berdasarkan pada nama sahabat, disusun seperti kamus, berdasarkan awal hadis, kitab kumpulan hadis-hadis, dan kitab zawa'id. Usaha tersebut memakan masa yang panjang sehingga berjaya memisahkan hadis yang benar-benar dari Rasulullah dan dari hadis palsu. (Iderus et al. 2016, 2017, 2018)

Salah satu ulama yang menjaga dan mengumpulkan hadis adalah Imam Malik. Imam malik dikenal sebagai ahli hadis dan ahli fiqah. Salah satu karya beliau yang sampai sekarang kita rasakan adalah kitab *al-Muwatta'*. Kitab *al-Muwatta'* merupakan kitab yang memuat hadis-hadis dari Rasulullah SAW dan ia juga merupakan kitab dari mazhab Maliki. Kitab ini mendapat perhatian ramai ulama untuk di syarah. Salah satu ulama yang memberikan syarah kepada kitab ini adalah Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy (1315-1402H/1898-1982). beliau menulis kitab syarah kepada *al-Muwatta'* bertajuk *Awjaz al-Masālik Ilā Muwatta' Mālik*. Menjadi menarik pada kajian ini bahawa Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy (1315-1402H/1898-1982) dikenal sebagai seorang yang bermazhab Hanafi, namun beliau menuliskan dan mensyarahkan kepada kitab bermazhab Maliki iaitu kitab *al-Muwatta'*.

Kitab *al-Muwatta'* masyhur dikalangan ulama banyak memuatkan hadis-hadis *mursal*. Isu pertama yang timbul ialah hadis *mursal* sebahagian ulama menggolongkan sebagai hadis *ḍa'if*. (Fathullah 2013). Namun Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy dalam kitab *Awjaz al-Masālik Ilā Muwatta' Mālik* berjaya menyelamatkan hadis-hadis yang dianggap *mursal* sehingga dapat diselamatkan dari sisi hadis (yang berstatus *mursal*) mahupun fiqahnya. Tujuan tulisan ini untuk melengkapi kajian penulisan berkaitan hadis *mursal* dan berfokus kepada kedudukan hadis *mursal* menurut Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy (1315-1402H/1898-1982). Tulisan ini didasarkan pada adanya pendapat bahawa hadis *mursal* berstatus *ḍa'if* namun dapat disambung (*mausul*) oleh Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy di tempat lain.

## Metode Kajian

Sesuai dengan fokus kajian yang ditujukan untuk mengetahui kedudukan hadis *mursal* dalam kitab *Awjaz al-Masālik Ilā Muwatta' Mālik* karya Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy (1315-1402H/1898-1982), maka penelitian ini bersifat kepustakaan (*library research*). Metode penelitian yang digunakan adalah deskriptif kualitatif. Hasil dari temuan dianalisis menggunakan aplikasi ATLAS.ti versi 9.1.5.0 selanjutnya ditinjau dengan sistematis.

## Biografi singkat Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy (1315-1402H/1898-1982)

Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy bernama Muḥammad Zakariyyā bin Muḥammad Yaḥyā bin Muḥammad Isma'īl bin al-Tabīb Ghulām Ḥusayn bin Karīm Bakhsh bin al-Tabīb Ghulām Muḥy al-Dīn bin Muḥammad Sājīd bin Fayd Muḥammad bin Shāh Muḥammad Sharīf bin Muḥammad Ashraf bin Jamāl Muḥammad bin Nūr Muḥammad, yang lebih dikenali sebagai Ibn Shāh bin Bahā' al-Dīn bin Shāh Muḥammad. (Al-Kāndahlawiyy 2003a) Nasab beliau berakhir sehingga Abū Bakr al-Siddiq RA. Ayah beliau Muḥammad Yaḥyā merupakan salah seorang ulama besar di India (al-Nadawiyy t.th., 9).

Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy bergelar *Shaykh al-Hadīth* kerana memiliki kepakaran dalam bidang hadis dan *ulūm al-Hadīth*. (al-Nadawiyy t.th., 9) Selain itu juga beliau masyhur dengan nama al-Kāndahlawiyy yang *dinisbahkan* tempat lahir beliau iaitu di Kandahlah. Beliau dilahirkan pada hari Khamis 12 Februari 1898 (Al-Kāndahlawiyy 2003a; Sakat 2010).

Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy berkahwin sebanyak dua kali. Isteri pertama beliau adalah anak perempuan daripada Syeikh Ra'ūf al-Ḥasan di Kandalah namun wafat pada 1355H. Pernikahan pertama beliau dianugerahkan tiga orang anak perempuan dan dua orang anak lelaki. Kemudian beliau berkahwin dengan anak perempuan daripada Syeikh Ilyās al-Kāndahlawiyy pada 8 Rabī' al-Ākhir tahun 1356H. Pernikahan kedua beliau dianugerahkan dua orang anak perempuan dan seorang anak lelaki (Sakat 2010). Akhirnya beliau wafat pada hari Isnin bulan Shaban 1402H bersamaan 24 Mei 1982M dan dikubur di Baqi'

(Al-Kāndahlawīyy 2003a; Sakat 2010).

### Pengenalan Kitab *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik*

Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawīyy menulis kitab *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik* di ketika umur beliau 29 tahun di Madīnah Munawwrah. (Sakat 2010) Kitab *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik* merupakan salah satu kitab syarah kepada kitab *al-Muwaṭṭa'*. kitab *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik* memberikan penjelasan tentang Hadis dan fiqah yang ada dalam kitab *al-Muwaṭṭa'* sehingga ia dianggap sebagai kitab yang melengkapi syarah kitab *al-Muwaṭṭa'* sebelumnya. Kitab ini juga dianggap sebagai kamus dalam *ulūm al-Ḥadīth* (Al-Kāndahlawīyy 2003a).

Justeru, kitab *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik* merupakan gambaran kepakaran dari Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawīyy ketika dalam membentangkan dalil dan hujah, ketelitian beliau serta ketepatannya, terutama dalam mengambil dalil mazhab-mazhab dan fahaman secara mendalam. Selain itu kitab ini juga dilengkapi dengan penjelasan tentang nama-nama perawi, keterangan tentang fiqah mazhab empat, terutama permasalahan khilaf ulama menerusi kitab yang berautoriti di sisi mereka.

### Pengertian Hadis Mursal

*Mursal* berasal daripada kata *arsala*, *yursilu*, *irsālan*, *mursalūn* (Ta'rif Wa Ma'nā Mursal fī Mu'jam al-Ma'ānī al-Jāmi' Mu'jam 'Arabī t.th.) dengan makna berarti terlepas atau bebas tanpa ikatan. Hadis dinamakan *mursal* karena sanadnya ada yang terlepas dikalangan sahabat atau tabi'in. Sedangkan hadis *mursal* adalah hadis yang disandarkan pada Rasulullah SAW oleh seorang tabi'in, iaitu tidak menyebutkan nama Sahabat.

Hadis *mursal* juga telah didefinisikan ulama dengan berbagai-bagai makna. Salah satunya menurut Dr. Maḥmūd al-Ṭāhan di dalam *Taisiru Mushṭalah al-Ḥadīth* bahawa kata *mursal* merupakan *isim maf'ul* yang berasal daripada kata *Arsala*, bermakna melepaskan. Oleh sebab itu menurut beliau makna hadis *mursal* seakan-akan lepas daripada ikatan sanad, dan tidak terikat dengan rawi yang sudah dikenal. (Al-Ṭāhan 2010) Sedangkan menurut Hatim Ibn 'Arīf al-'Auni mengatakan bahawa kata *mursal* dalam lisan orang Arab sering diucapkan untuk memberitahukan sebuah perjalanan yang cepat seperti: *nāqat mursal* bermakna suatu perjalanan yang cepat. menurut beliau jika dikaitkan dengan hadis *mursal* menerusi pendapat ini, maka hadis *mursal* bermakna mempercepat periwatan dengan membuang sebagian sanadnya. (Al-'Auni t.th.; Al-'Ala'i 1986) Menurut Hilmi Kamil 'Abd al-Hadi berpendapat bahawa hadis *mursal* secara bahasa terambil dari akar kata *arsala* yang sepadan dengan makna kata *Ihmala*, *Iṭlaqa*, *al-Qati'* atau meninggalkan al-Tark. (Al-Hadi t.th.)

Hadis *mursal* menurut Ibnu Hajar al-Asqāni bahawa hadis yang pada sanad akhirnya ada rawi yang gugur, tepatnya (rawi) setelah tabi'in (yakni sahabat). (Al-Asqālāni 2001) Sedangkan menurut jumhur al-Muḥadīthīn mengatakan bahawa hadis *mursal* adalah periwatan hadis muttasul sampai Tabi'in sama ada *Ṣiḡhar al-Tabi'in* atau *Kibār al-Tabi'in* kemudian Tabi'in berkata Rasulullah SAW bersabda. Sehingga mengesan tidak menyebutkan Sahabat dan seolah-oleh terus mendapat dari Rasulullah SAW. (Al-Asqālāni 1995; Al-Zahīrī 2007)


Ulama juga telah membahagikan hadis *mursal* kepada tiga bentuk: **Pertama:** *Mursal Ṣahabi* adalah *mursal* yang terjadi ketika seorang sahabat meriwayatkan hadis yang diterima dari sahabat lain kerana ia tidak mendengar secara langsung dari Rasulullah SAW atau tidak menyaksikan langsung dari Rasulullah SAW. Menurut ulama *mursal* seperti ini boleh diterima kerana semua sahabat dinilai adil. **Kedua:** *Mursal Tabi'i* adalah *mursal* yang terjadi apabila yang meriwayatkan hadis adalah seorang tabi'in tanpa menyebutkan nama sahabat. **Ketiga:** *Mursal Khaṭi* adalah *mursal* yang terjadi apabila orang yang meriwayatkan hadis itu sezaman dengan sahabat tertentu, tetapi tidak ada khabar yang meriwayatkan bahawa rai tersebut mendengar hadisnya. (Al-Ṭāhan 2010)

### Hadis Mursal menurut Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawīyy (1315-1402H/1898-1982)

Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawīyy (1315-1402H/1898-1982) ketika menjumpai hadis yang berstatus *mursal* maka beliau berusaha mencari dan memperkuat sanad hadis dengan mencari di tempat lain, sama ada memauṣulkan hadis-hadis yang berstatus *mursal* dan menerangkan dalil empat mazhab. Ketika melihat di dalam kitab *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik* maka dapat terlihat status hadis *mursal* menurut Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawīyy (1315-1402H/1898-1982).

Hasil dapatan pengkaji mendapati bahawa beliau memiliki tiga cara ketika berinteraksi dengan hadis *mursal*. Untuk memudahkan dapat melihat gambarajah:

Rajah: Analisis ATLAS.ti Hadis *Mursal* dalam *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa’ Mālik*  
 Sumber: Pengkaji



Dari gambar rajah di atas dapat dilihat bahawa: **Pertama** hadis *mursal* dapat berstatus *ṣaḥīḥ* ketika hadis tersebut disambungkan sanadnya; **kedua** hadis *mursal* yang berstatus *mauṣūl* namun masih perlu dipastikan kembali status dan darjat hadis berkenaan; **ketiga** hadis *mursal* yang tidak dapat disambungkan sanad hadisnya.

**Pertama** hadis *mursal ṣaḥīḥ*

Apabila Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawīyy berjaya menyambungkan sanad hadis *mursal* berkenaan ke dalam kitab *ṣaḥīḥ al-Bukhārī* atau *ṣaḥīḥ Muslim* maka dapat disebut sebagai *mursal ṣaḥīḥ*. Salah satu contoh hadis *mursal* yang berjaya disambungkan adalah hadis dalam 2-Kitāb al-Ṭahārah, 26-Bāb mā Yuḥillu lilraḥajuli min Imra’atihi wa Hiyā Hāḍun, hadith no 94/124:

94/124 وَحَدَّثَنِي عَنْ مَالِكٍ، عَنْ رَبِيعَةَ بْنِ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ، أَنَّ عَائِشَةَ، زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، كَانَتْ مُضْطَجِعَةً مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي تَوْبٍ وَاحِدٍ، وَأَمَّا فَدْوَتْ وَتَبَّتْ وَتَبَّتْ شَدِيدَةً. فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَا لَكَ؟ لَعَلَّكَ نَفْسَتْ، يُعْنِي الْحَيْضَةَ. فَقَالَتْ: نَعَمْ قَالَ شَدِيدِي عَلَى نَفْسِكَ إِزَارَكَ، ثُمَّ عَوَدِي إِلَى مُضْجَعِكَ.

(al-Kāndahlawīyy 2003, *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa’ Mālik al-Juz 1. 2-Kitāb al-Ṭahārah, 26-Bāb mā Yuḥillu lilraḥajuli min Imra’atihi wa Hiyā Hāḍun*: 582-584)

Maksudnya: Telah menceritakan kepada saya dari Mālik, dari Rabi’ah bin Abī ‘Abd al-Raḥman berkata ‘Aishah, isteri Nabi SAW berbaring bersama Rasulullah SAW dalam satu kain. Tiba-tiba dia melompat dengan cepat, maka Rasulullah SAW pun bertanya: "Ada apa denganmu? Apakah kamu haid?" ‘Aishah menjawab, "Benar." Rasulullah SAW kemudian bersabda: "Kencangkan ikatan sarungmu, kemudian kembalilah ke tempat tidurmu."

Menurut Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawīyy, hadis ini berstatus *mursal* namun disambungkan oleh beliau sehingga naik taraf berstatus *mursal ṣaḥīḥ*. Hadis ini menurut beliau diperkuat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dan *Ṣaḥīḥ Muslim*. Adapun hadis yang beliau kemukakan dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*:

حَدَّثَنَا الْمَكِّيُّ بْنُ إِبْرَاهِيمَ قَالَ: حَدَّثَنَا هِشَامٌ، عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ، عَنْ أَبِي سَلَمَةَ: أَنَّ زَيْنَبَ ابْنَةَ أُمِّ سَلَمَةَ حَدَّثَتْهُ: أَنَّ أُمَّ سَلَمَةَ حَدَّثَتْهَا قَالَتْ: «بَيْنَمَا أَنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُضْطَجِعَةٌ فِي حِمِيصَةٍ إِذْ حِضَّتْ فَأَنْسَلْتُ، فَأَخَذْتُ ثِيَابَ حَيْضَتِي، قَالَ: أَنْفَسْتِ؟. قُلْتُ: نَعَمْ، فَدَعَانِي، فَأَضْطَجَعْتُ مَعَهُ فِي الْحِمِيصَةِ.

(al-Bukhārī Abū °Abd Allāh, t.th. *Kitāb al-Haid, Bāb Man Sammā al-Nifāsa Haiḍan*: 67)

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami al-Makki bin Ibrāhim berkata: telah menceritakan kepada saya Hishām dari Yaḥyā bin Abī Kathir, dari Abī Salamah bahawa Zainab binti Ummī Salamah menceritakan kepadanya, bahawa Ummu Salamah berkata: Saya dan Nabi SAW berbaring dalam selimut, kemudian saya mengeluarkan darah haid hingga saya pun berlalu dengan diam-diam seraya membawa kain yang terkena darah haidku. Beliau bertanya: "Apakah kamu sedang haid?" Saya jawab: "Ya." Beliau lalu memanggilku, maka saya pun berbaring bersama beliau dalam kain tebal.

Adapun hadis kedua yang al-Shaikh Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawīyy kemukakan dalam memperkuat hadis mursal iaitu dalam kitab Ṣaḥīḥ Muslim dalam *Kitāb al-Haid, Bāb al-Aḍḡijā ma'a al-Hāid fī laḥāf Wahid*:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى، حَدَّثَنَا مُعَاذُ بْنُ هِشَامٍ، حَدَّثَنِي أَبِي، عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ، حَدَّثَنَا أَبُو سَلَمَةَ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، أَنَّ زَيْنَبَ بِنْتَ أُمِّ سَلَمَةَ حَدَّثَتْهُ أَنَّ أُمَّ سَلَمَةَ حَدَّثَتْهَا قَالَتْ: بَيْنَمَا أَنَا مُضْطَجِعَةٌ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْحِمِيصَةِ، إِذْ حِضْتُ، فَأَنْسَلْتُ، فَأَخَذْتُ ثِيَابَ حَيْضَتِي فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَنْفَسْتِ؟» قُلْتُ: نَعَمْ، فَدَعَانِي فَأَضْطَجَعْتُ مَعَهُ فِي الْحِمِيصَةِ. قَالَتْ: «وَكَاثَتْ هِيَ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْتَسِلَانِ فِي الْإِنَاءِ الْوَاحِدِ، مِنَ الْجَنَابَةِ»

(Muslim. 1991 *Ṣaḥīḥ Muslim, 3-Kitāb al-Haid, 2-Bāb al-Aḍḡijā ma'a al-Hāid fī al-Liḥāfīn Wāḥidin*: 243)

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Muḥammad bin al-Muthanna telah menceritakan kepada kami Mu'adh bin Hishām telah menceritakan kepada saya Bapakku dari Yaḥyā bin Abī Katsir telah menceritakan kepada kami Abu Salamah bin °Abd al-Raḥman bahawa Zainab binti Ummu Salamah telah menceritakan kepadanya, bahawa Ummu Salamah telah menceritakan kepadanya, dia berkata: "Ketika saya berbaring bersama Rasulullah SAW dalam satu selimut, tiba-tiba saya haid, lantas saya keluar secara perlahan-lahan untuk mengambil pakaian khas untuk masa haid. Maka Rasulullah SAW bertanya kepada saya: 'Apakah kamu sedang haid?' Saya menjawab: 'Ya.' Lalu beliau memanggilku, lalu saya berbaring lagi bersama beliau dalam satu selimut. Zainab berkata: "Ummu Salamah dan Rasulullah SAW mandi janabah dengan menggunakan satu wadah air."

Kedua hadis yang dikemukakan al-Shaikh Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawīyy merupakan hadis yang dianggap berstatus *ṣaḥīḥ* kerana diriwayatkan dalam *ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *ṣaḥīḥ Muslim*.

**Kedua** hadis *mursal mauṣul* selain di *ṣaḥīḥān*

Apabila Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawīyy berjaya menyambungkan sanad hadis *mursal* berkenaan ke dalam kitab selain *ṣaḥīḥ al-Bukhārī* atau *ṣaḥīḥ Muslim* maka dapat disebut sebagai *mursal* sahaja. Apabila demikian maka perlu mencari kembali status hadis yang beliau kemukakan sama ada hadis tersebut *ṣaḥīḥ*, *ḥasan*, atau *ḍa'if*. Salah satu contoh hadis yang berjaya disambungkan adalah hadis dalam *kitāb al-ṭaharah, bāb tarki al-wuḍuwi mimmā massathu al-Nār*:

25/55 وَحَدَّثَنِي عَنْ مَالِكِ بْنِ مُعَاذٍ بْنِ الْمُنْكَدِرِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دُعِيَ لِطَعَامٍ فَفُزِرَتْ إِلَيْهِ خُبْزٌ وَحَمٌّ فَأَكَلَ مِنْهُ ثُمَّ تَوَضَّأَ وَصَلَّى ثُمَّ أَتَى بِفَضْلِ ذَلِكَ الطَّعَامِ فَأَكَلَ مِنْهُ ثُمَّ صَلَّى وَكَمْ يَتَوَضَّأُ (al-Kāndahlawīyy 2003, *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik al-Juz 1. 2-Kitāb al-Ṭaharah, 5-Bāb Tarki al-Wuḍuwi Mimmā Massathu al-Nār*: 396-397)

Maksudnya: Perawi menerangkan; telah menceritakan kepada saya dari Mālik dari Muḥammad bin al-Munkadir, bahawa Rasulullah SAW diundang untuk makan, lalu disuguhkan kepada beliau roti dan daging, maka beliau memakannya lalu berwudu dan shalat, kemudian diberikan kepadanya sisa makanan itu dan beliau memakannya lalu shalat dan tidak berwudu.

Menurut Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawīyy hadis ini berstatus *mursal* namun disambungkan oleh beliau sehingga naik taraf berstatus *mursal*. Hadis ini menurut beliau diperkuat Abū Dawūd dan Imam al-Tirmidhī. (Al-Kāndahlawīyy 2003a) Kedua hadis penguat hadis *mursal* yang dikemukakan oleh Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawīyy belum diketahui status hadis tersebut, sama ada hadis tersebut *ṣaḥīḥ*, *ḥasan*, atau

da'if.

Adapaun hadis yang beliau kemukakan untuk memausulkan (menyambung) hadis mursal terdapat dalam kitab Abū Dawūd dalam *kītab al-ṭaharah, bāb fī tark al-wuḍūi mimmā massati al-nār*, nombor hadis 191:

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ الْحُسَيْنِ الْحَنَظَلِيُّ، حَدَّثَنَا حَجَّاجٌ، قَالَ ابْنُ جُرَيْجٍ: أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ الْهَيْثَمِ، قَالَ: سَمِعْتُ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ يَقُولُ: قَرَّبْتُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خُبْزًا وَخَمًّا، فَأَكَلَ ثُمَّ دَعَا بِوَضُوءٍ فَوَضَّأَ، بِهِ ثُمَّ صَلَّى الظُّهْرَ، ثُمَّ دَعَا بِفَضْلِ طَعَامِهِ فَأَكَلَ، ثُمَّ قَامَ إِلَى الصَّلَاةِ وَلَمْ يَتَوَضَّأَ.

(Abī Dawūd, 2009. *Sunan Abī Dawūd Juz 1. Kītab al-Ṭaharah. Bāb fī Tark al-Wuḍūi Mimmā Massati al-Nāru*: 137)

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Ibrāhim bin al-Ḥasan al-Khathāmyy telah menceritakan kepada kami Hajjaj berkata Ibnu Juraij telah mengabarkan kepada saya Muḥammad bin al-Munkadir dia berkata; Saya pernah mendengar Jābir bin ʿAbd Allāh berkata; Saya pernah mempersembahkan kepada Nabi SAW sepotong roti dan daging, lalu beliau memakannya. Kemudian beliau meminta air wudhu, lalu berwudhu dengan air itu. Setelah itu beliau mengerjakan shalat Dhuhur. Kemudian meminta sisa makanan beliau, lalu memakannya, kemudian berdiri mengerjakan shalat tanpa berwudhu.

Sedangkan hadis kedua yang beliau kemukakan dalam memausulkan (menyambung) hadis mursal berada dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhī dalam *kītab al-ṭaharah, bāb tarki al-wuḍūi mimmā massati al-nār*, hadis nomor hadis 80:

حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي عُمَرَ، قَالَ: حَدَّثَنَا سُفْيَانُ بْنُ عُيَيْنَةَ، قَالَ: حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ عَقِيلٍ، سَمِعَ جَابِرًا، قَالَ سُفْيَانُ: وَحَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُنْكَدِرِ، عَنْ جَابِرٍ قَالَ: خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا مَعَهُ، فَدَخَلَ عَلَى امْرَأَةٍ مِنَ الْأَنْصَارِ، فَذَبَحَتْ لَهُ شَاةً، فَأَكَلَ، وَأَتَتْهُ بِقِنَاعٍ مِنْ رُطْبٍ فَأَكَلَ مِنْهُ، ثُمَّ تَوَضَّأَ لِلظُّهْرِ وَصَلَّى، ثُمَّ انْصَرَفَ، فَأَتَتْهُ بِغَلَالَةٍ مِنْ غَلَالَةِ الشَّاةِ، فَأَكَلَ، ثُمَّ صَلَّى الْعَصْرَ وَلَمْ يَتَوَضَّأَ. وَفِي الْبَابِ عَنْ أَبِي بَكْرٍ الصِّدِّيقِ وَفِي الْبَابِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، وَأَبِي هُرَيْرَةَ، وَابْنِ مَسْعُودٍ، وَأَبِي رَافِعٍ، وَأُمِّ الْحَكَمِ، وَعَمْرِو بْنِ أُمَيَّةَ، وَأُمِّ عَامِرٍ، وَسُوَيْدِ بْنِ النُّعْمَانِ، وَأُمِّ سَلَمَةَ وَلَا يَصِحُّ حَدِيثُ أَبِي بَكْرٍ فِي هَذَا مِنْ قَبْلِ إِسْنَادِهِ، إِمَّا رَوَاهُ حُسَامُ بْنُ مِصَابٍ، عَنْ ابْنِ سِيرِينَ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنْ أَبِي بَكْرٍ الصِّدِّيقِ، عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَالصَّحِيحُ إِمَّا هُوَ: عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، هَكَذَا رَوَى الْخَفَّاطُ، وَرَوَى مِنْ غَيْرِ وَجْهٍ عَنْ ابْنِ سِيرِينَ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَرَوَاهُ عَطَاءُ بْنُ يَسَارٍ، وَعَكْرَمَةُ، وَمُحَمَّدُ بْنُ عَمْرٍو بْنِ عَطَاءٍ، وَعَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ، وَعَبْدُ وَاحِدٍ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَلَمْ يَذْكُرُوا فِيهِ عَنْ أَبِي بَكْرٍ وَهَذَا أَصْحَحُ. وَالْعَمَلُ عَلَى هَذَا عِنْدَ أَكْثَرِ أَهْلِ الْعِلْمِ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ بَعْدَهُمْ، مِثْلَ سُفْيَانَ، وَابْنِ الْمُبَارَكِ، وَالشَّافِعِيِّ، وَالْحَمْدِ، وَإِسْحَاقَ: رَأَوْا تَرَكَ الْوَضُوءَ مِمَّا مَسَّتِ النَّارُ. وَهَذَا آخِرُ الْأَمْرَيْنِ مِنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَكَانَ هَذَا الْحَدِيثُ نَاسِخًا لِلْحَدِيثِ الْأَوَّلِ حَدِيثِ الْوَضُوءِ مِمَّا مَسَّتِ النَّارُ.

(al-Tirmidhī. 1996. *al-Jāmi' al-Kabīr Sunan al-Tirmidhī. Kitāb al-Ṭaharah. Bāb Tarki al-Wuḍūi Mimmā Massati al-Nār*:135)

Maksudnya: telah menceritakan kepada kami Ibnu Abī ʿUmar berkata: telah menceritakan kepada kami Sufyān bin ʿUyainah berkata: telah menceritakan kepada kami ʿAbd Allāh bin Muḥammad bin ʿAqīl ia mendengar Jābir. Sufyān berkata: dan telah menceritakan kepada kami Muḥammad Ibn al-Munkadir dari Jābir ia berkata: Rasulullah SAW keluar bersama saya. Beliau mengunjungi seorang wanita Anshar, lalu wanita itu menyembelih seekor kambing untuknya beliau pun memakannya, kemudian wanita itu juga membawakan sebuah keranjang berisi kurma segar, dan beliau juga memakannya. Setelah itu beliau berwudu karena zuhur, shalat dan pergi. Wanita itu kemudian membawakan sisa kambing tersebut, beliau pun memakannya, setelah itu melaksanakan shalat ashar tanpa berwudu.

Ia berkata: "Dalam bab ini juga ada riwayat dari Abī Bakar al-Siddiq, Ibnu ʿAbbas, Abī Hurairah, Ibnu Masʿud, Abī Rafīʿ, Ummī al-Hakim, ʿAmru bin Umayyah, Ummu ʿĀmir, Suwaid bin An Nuʿman dan Ummi Salamah."

Hadith Abu Bakar dalam bab ini tidak sah dari sisi sanadnya. Dan yang meriwayatkannya adalah Ḥusān bin Miṣak, dari Ibn Sīrīn, dari Ibn ʿAbbas, dari Abī Bakar al-Siddiq dari Nabi SAW. Tetapi hadith yang shahih adalah riwayat dari Ibnu Abbas, dari Nabi SAW, demikianlah para Ḥuffāz (ahli hadith) meriwayatkannya. Diriwayatkan juga dari jalur lain: dari Ibnu Sīrīn, Ibn ʿAbbas, dari Nabi

SAW.

Hadith itu juga diriwayatkan oleh 'Atha' bin Yasār, 'Ikrimah, Muḥammad bin 'Amru bin 'Atha, 'Ali bin 'Abd Allāh bin 'Abbas, dan masih banyak lagi dari Ibn 'Abbas, dari Nabi SAW tanpa menyebutkan dalam sanadnya nama Abu Bakar. Dan inilah yang paling shahih.

Kebanyakan ahli ilmu dari kalangan sahabat Nabi SAW, tabi'in dan orang-orang setelah mereka mengamalkan hadith ini. Mereka berpendapat bahawasanya tidak harus berwudu karena makan sesuatu yang disentuh api. Ini adalah akhir dua hal dari Rasulullah SAW, seakan-akan ini menghapus hadith pertama, yaitu hadith tentang wudu karena sesuatu yang disentuh api."

**Ketiga** Hadis *mursal* tidak maushūl

Apabila Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy hanya mengatakan status hadis *mursal* namun tidak tersambung di tempat lain. Salah satu contohnya dalam *Kitāb al-Ashrabah, Bāb al-Taḥrīmu al-Khamri*, hadith no 10/1567:

10/1567 وَحَدَّثَنِي عَنْ مَالِكٍ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سئلَ عَنِ الْعُبَيْرِ فَقَالَ لَا خَيْرَ فِيهَا وَهِيَ عَنْهَا قَالَ مَالِكٌ فَسَأَلْتُ زَيْدَ بْنَ أَسْلَمَ مَا الْعُبَيْرُ فَقَالَ هِيَ الْأُسْكُرَةُ

(Al-Kāndahlawiyy 2003, *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik al-Juz 15, 45-Kitāb al-Ashrabah, 4-Bāb al-Taḥrīmu al-Khamri*: 534-536)

Maksudnya: Telah menceritakan kepada saya dari Malik dari Zaid bin Aslam dari 'Atha bin Yasār bahawa Rasulullah SAW pernah ditanya tentang Ghubaira (perasan jagung atau padi), beliau menjawab: "Tidak ada kebaikan di dalamnya." Dan beliau melarangnya. Malik berkata; "Saya bertanya kepada Zaid bin Aslam, apakah al ghubaira itu? Maka dia menjawab; "Itu adalah al-Uskarkah (perasaan padi)".

## KESIMPULAN

Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy (1315-1402H/1898-1982) merupakan salah seorang ulama besar dan memiliki kepakaran dalam bidang hadis dan fiqh. Sebagai bukti kepakaran beliau, beliau telah memberikan syarah kepada kitab *Muwaṭṭa'* Imam Malik yang di dalamnya memuat hadis *mursal*. Beliau memberikan nama kitab tersebut *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik*. Hadis *mursal*, merupakan bahagian hadis yang berstatus *ḍa'īf* menurut sebahagian ulama. Justeru berbeza dengan hadis *mursal* yang ada dalam kitab *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik*. Menurut pandangan beliau hadis *mursal* dalam kitab *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik* boleh menjadi tiga bentuk. pertama hadis *mursal ṣaḥīḥ*, kedua *mursal maushūl* dan perlu dicek kembali status hadis yang beliau kemukakan dan terakhir *mursal* namun tidak disambung di tempat lain. Perbincangan tentang kedudukan hadis *mursal* menurut Muḥammad Zakariyyā al-Kāndahlawiyy (1315-1402H/1898-1982) dalam kitab *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik* ini hanyalah satu sisi dari pelbagai sisi yang boleh dikaji. Diharapkan ada kajian meneruskan kajian ini.

## Rujukan

- Abū 'Abd Allāh, Muḥammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah Ibn Bardizibah al-Bukhārī. t.th. *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār Ṭawaq al-Najāh.
- Al-'Auni, Hatim Ibn 'Arif. t.th. *Mabāhith Fī Taḥrīri Iṣṭilāh Al-Ḥadīth, Al-Mursal Wa Hujjiyatih 'Inda Al-Sādāt Al-Muhaddithin*.
- Al-Asqalāni, Ibnu Hajar. 1995. *Taujīh Al-Nazar Ilā Uṣul Al-Athar*. II. Maktabah al-Maṭbu'at al-Islamiyyah.
- . 2001. *Nuzhatu An-Nazr Fī Tauḍīḥi Nukhbatu Al-Fikr Fī Muṣṭalah Ahli Al-Asār*. Riyāḍ: Maṭba'ah Safir.
- Al-'Ala'i, Abu Sa'īd Abū Sa'īd. 1986. *Jāmi' Al-Taḥṣīl Fī Ahkām Al-Marāsil*. Bayrūt: Ālam al-Kutub.
- Al-Hadi, Hilmi Kamil 'Abd. t.th. *Ḥadīth Mursal Ḥaqiqatuhu Wa Hujjiyatuhu*.
- Al-Kāndahlawiyy, Muḥammad Zakariyyā. 2003a. *Awjaz Al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik Al-Juz' 1*. Taḥqīq Taqīy al-Dīn Al-Nadawiyy (pnyt.). Dimashq: Dār al-Qalam.
- . 2003b. *Awjaz Al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik Al-Juz' 15*. Taḥqīq Taqīy al-Dīn Al-Nadawiyy (pnyt.).



- Dimashqi: Dār al-Qalam.
- al-Nadawiyy, Abū al-Ḥasan °Ali. t.th. *Tadhkirah Al-Dā°iyyah Al-Kabīr Al-Syeikh Muḥammad Ilyās Al-Kāndahlawiy Al-Syeikh Muhammad Ilyās*. al-Markaz al-°Arabiyy li al-Kitāb bi al-Syāriqah.
- Al-Naysābūrī, Abu al-Ḥusain Muslim Bin al-Ḥajjāj Bin Muslim al-Qushayrī. 1991. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Taḥqīq Muḥammad Fuad °Abd Al-Bāqī (pnyt.). Bayrūt: Dār al-Iḥya al-Kutub al-°Arabiyyah.
- Al-Sijjistānī, Abī Dāwud Sulaimān Bin al-Ashcath. 2009. *Sunan Abī Dāwud*. Taḥqīq Shu°b Al-Arna°ūt & Muḥammad Kāmil Qarh Balilī (pnyt.). Damsiq: Dār al-Risālat al-°Ilmiyyah.
- Al-Ṭahan, Mahmud. 2010. *Taisiru Mushṭalah Al-Ḥadīth*. 11th ed. Riyāḍ: Maktabah al-Ma°ārif Li Nashr Wa al-Tawjī°.
- Al-Tirmidhī, Abū °Isā Muḥammad bin °Isā. 1996. *Al-Jāmi° Al-Kabīr Sunan Al-Tirmidhī*. Bayrūt: Dār al-Gharib al-Islāmī.
- Al-Zahīrī, M.M. Aḥmad °Abd al-Jabbar °Ali Ghanawi. 2007. *Al-Qaulu Al-Ams|al Fī Al-Ḥadīth*.
- Fathullah, Ahmad Lutfi. 2013. *Metode Belajar Interaktif Hadis Dan Ilmu Hadis*.
- Iderus, Muhammad Hasan Said, Majid, Latifah Abdul, & Sakat, Ahamad Asmadi. 2018. *Sumbangan Ulama Banjar Dalam Hadis Arba°in*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. <http://ukmpress.ukm.my>.
- Iderus, Muhammad Hasan Said, Majid, Latifah Abdul, Sakat, Ahamad Asmadi, Muhammad Hasan Said Iderus, Latifah Abdul Majid dan, & Sakat, Ahamad Asmadi. 2016. 15 Al-Banjari; *Jurnal Ilmiah Ilmu-ilmu Keislaman Peranan Ulama Banjar Abad Ke-20 Dalam Tradisi Penulisan Hadis Arba°in Di Banjar Dan Malaysia*.
- Iderus, Muhammad Hasan Said, Majid, Latifah Abdul, Sakat, Ahmad Asmadi, & Kosran, Siti Zahidah. 2017. Pola penulisan hadis arba°in sebelum al-imām al-nawawī. Dlm. Rosilawati Mohd Hanapi, Mashitoh Yaacob, Mohamad Sabri Haron, A°dawiyah Ismail, Fariza Md Sham, Nur Asilah Kithuru Mohamed, Zubaidah Mohd Nasir, Siti Salwa Salim, Wan Aishah Wan Mohd Nowalid, & Faris Hariyanto (pnyt.). *Seminar Kebangsaan Tamadun dan Warisan Islam (TAWIS) 2017 "Merekayasa Kreativiti dan Inovasi"*, hlm. 125–34. Bangi: Isntitut Islam Hadhari (HADHARI) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sakat, Ahamad Asmadi. 2010. *Metodelogi al-°allāmah muḥammad zakariyya al-kāndahlawiy dalam penyusunan kitab awjaz al-masālik ilā muwaṭṭa° mālik*.
- Ta°rīf Wa Ma°nā Mursal fī Mu°jam al-Ma°ānī al-Jāmi°-Mu°jam °Arabī. t.th. <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/مرسل/> [September 30, 2021].